

DATE: 6/12/2007

Talian bantuan bukan untuk dipermain: PM

BH- 6/12/2007

15999 dilancar bantu wanita miskin, kanak-kanak, orang tua

Oleh Azrina Ahzan

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta orang ramai supaya tidak membuat panggilan palsu ke Talian Nur 15999 yang diwujudkan untuk membantu golongan wanita miskin, kanak-kanak serta orang tua yang berdepan dengan masalah.

Perdana Menteri berkata, tindakan mereka yang tidak bertanggungjawab membuat panggilan palsu itu boleh memudaratkan mangsa dan menjejaskan sistem penyampaian yang disediakan kerajaan untuk mereka yang kurang bernasib baik.

"Talian ini diwujudkan dengan hasrat untuk membantu masyarakat dan ia menggambarkan bahawa kerajaan memang mengambil perhatian serta prihatin mengenai masalah yang dihadapi rakyat.

"Oleh itu, saya harap tiada pihak cuba mengambil kesempatan terhadap talian ini dengan membuat panggilan palsu kerana kenakalan mereka akan merugikan serta memudaratkan," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Talian Nur, di pejabatnya di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Abdullah juga mahu, operator yang menjawab aduan supaya melaksanakan tugas mereka dengan cepat dan cekap serta melaporkan segera kepada kementerian jika berlaku sebarang masalah yang boleh menjejaskan pemberian bantuan kepada mangsa.

Talian yang diwujudkan Kementrian Pembangunan Wanita, Keluar-

ga dan Masyarakat itu mula beroperasi semalam bagi menerima aduan mangsa keganasan rumah tangga, penderaan kanak-kanak, bencana alam, isu kebajikan, penjagaan, isu berkaitan keluarga masyarakat.

Beroperasi 24 jam sehari sepanjang tahun, talian itu mempunyai 29 operator yang bertugas dalam tiga syif bagi menerima aduan sebelum ia disalurkan kepada pegawai terbabit termasuk pihak polis khususnya jika ia membabitkan kecemasan yang memerlukan bantuan mereka.

Sementara itu, Shahrizat berkata, talian ini menggabungkan dua talian sedia ada iaitu Teledera dan 'Healthline' bagi memudahkan orang ramai membuat aduan atau mendapatkan bantuan dan khidmat nasihat berkaitan isu sosial serta kesihatan.

Sementara itu, di **CYBERJAYA**, Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (Pertiwi) diminta mewujudkan pusat panggilan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi membantu golongan kurang bernasib baik di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ab-

dullah Ahmad Badawi, berkata pusat panggilan itu boleh memberi tumpuan kepada bidang tertentu untuk mengelakkan berlakunya pertindihan peranan dengan Talian Nur yang dilancarkannya, semalam.

"Pertiwi boleh mengambil kesempatan dengan pelancaran Talian Nur untuk mewujudkan pusat panggilan khusus kepada bidang tertentu," katanya berucap pada majlis jamuan teh amal sempena sambutan ulang tahun ke-40 Pertiwi dan pelancaran Tabung Bangunan Pertiwi di sini, semalam.

Hadir sama, isterinya, Datin Seri Jeannie Abdullah, Ketua I Pertiwi, Prof Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim; Ketua II Pertiwi, Datuk Rahmah Abdul Hamid; Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin dan Pengerusi Penyayang, Nori Abdullah.

Mengenai Tabung Bangunan Pertiwi pula, beliau berharap sumbangan kepada tabung ini akan membolehkan bangunan yang akan mengabadikan nama isterinya, Datin Seri Endon Mahmood selaku penang Pertiwi itu dibina dalam tempoh terdekat.

“Talian Nur diwujudkan dengan hasrat membantu masyarakat dan ia menggambarkan kerajaan prihatin mengenai masalah dihadapi rakyat”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri